

Malaysia junjung prinsip solidariti, kesaksamaan semakan IHR

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan Malaysia berpegang teguh kepada prinsip kesaksamaan dan solidariti untuk dilaksanakan dalam semakan Peraturan-Peraturan Kesihatan Antarabangsa (IHR) serta perjanjian pandemik.

Mengakui berdepan cabaran mencapai konsensus mengenai perjanjian pandemik dan pindaan terhadap IHR, Perdana Menteri menjelaskan, langkah mengutamakan hak kepada kesihatan memerlukan usaha kolektif bagi menangani ketaksamaan dan meningkatkan kesiapsiagaan berdepan kecemasan masa depan.

“Saya ingin tegaskan, kesaksamaan perlu menyokong sebarang perjanjian ke arah penambahbaikan lebih bermakna da-

lam usaha mencegah pandemik, kesiapsiagaan dan respons secara kolektif.

“Kolaborasi akan menjadi kunci untuk melangkah ke hadapan, maka adalah penting untuk mengimbangi sumber dengan kesihatan awam global sebagai matlamatnya.

“Selepas itu, barulah kita boleh menangani jurang dan ketaksamaan dalam usaha mencegah serta memberikan tindak balas terhadap pandemik dan kecemasan kesihatan lain sambil bersama-sama melindungi hak keadailatan negara.

“Saya yakin kita mampu melakukan perubahan transformatif dengan hasil berkekalan dan menjadi legasi,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap sempena



Kerajaan komited pastikan rakyat mempunyai akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan serta mencegah pandemik. (Foto hiasan)

Perhimpunan Kesihatan Sedunia ke-77 (WHR77) di Geneva, Switzerland kelmarin.

Ucapan beliau berdurasi tiga minit 45 saat itu dilakukan melalui sidang video, dikongsi oleh Kementerian Kesihatan (KKM) di laman media sosial.

Delegasi Malaysia ke Geneva diketuai Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Anwar turut berkongsi komitmen Malaysia dalam memastikan setiap individu tanpa mengira latar belakang atau kedudukan sosioekonomi, mempunyai akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti sepanjang hidup mereka.

Menyentuh isu hak sejagat ter-

hadap kesihatan, Perdana Menteri menggesa komuniti antarabangsa mengambil lebih banyak tindakan dalam menghentikan kekejaman dan memastikan kebertanggungjawaban terlaksana susulan musibah kemanusiaan dihadapi rakyat Palestin di Gaza.

“Mereka bukan hanya berdepan kebuluran, malnutrisi dan penyakit. Hospital mereka dibom oleh rejim Israel, manakala pekerja perubatan dan sukarelawan kemanusiaan dibunuh secara rambang,” katanya.

Pada 24 Mei lalu, Dr Dzulkefly menegaskan pembabitian Malaysia dalam dua platform rundingan antarabangsa bertujuan melindungi kesihatan awam.